

06 MAY 1996
Mahathir-RMK7
TINGKAT KUALITI HIDUP FOKUS RMK7

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Rancangan bertindak pembangunan lima tahun Malaysia bernilai RM162,000 juta untuk membawa negara memasuki abad ke-21 dengan mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi lapan peratus dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen hari ini.

Selepas enam rancangan dalam tempoh 30 tahun, fokus Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) sehingga tahun 2000 kini lebih menjurus kepada satu perkara -- mempertingkatkan kualiti hidup melalui taraf kesihatan, pendidikan dan perumahan yang lebih baik untuk penduduk negara yang dianggarkan berkembang kepada 23 juta orang menjelang tahun itu berbanding 20 juta sekarang.

Dalam ucapannya yang merumuskan kandungan laporan RMK7 setebal 800 muka yang diedarkan kepada anggota-anggota Parlimen dan disiarkan secara langsung melalui RTM, Dr Mahathir menegaskan pentingnya kesihatan bagi memperbaiki kualiti hidup dengan memperkenalkan perubahan penting bagi memperbaiki mutu pendidikan dan rumah yang lebih selesa bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah.

Satu lagi keutamaan rancangan itu ialah untuk mencapai pembangunan seimbang antara negeri dan wilayah melalui dasar pengurusan berhemat dan strategi pembangunan yang diterajui oleh sektor swasta memandangkan semakin banyak kemudahan awam yang akan diswastakan.

Perdana Menteri berkata ekonomi Malaysia akan lebih bertumpu kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti menerusi program latihan untuk kemahiran dan keusahawanan dengan mempercepatkan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai yang lebih tinggi, yang menjimatkan penggunaan buruh dan menambah aktiviti berintensif modal dan teknologi.

Pada permulaan pembentangan RMK7, Dr Mahathir mengingatkan rakyat peri bahayanya mengambil sikap memandang ringan terhadap rancangan lima tahun negara.

"Sikap sedemikian merupakan satu kesilapan kerana rancangan lima tahun negara adalah amat penting kepada pembangunan negara selama ini. Sesungguhnya kemakmuran yang kita nikmati pada hari ini, pertumbuhan ekonomi sebanyak lapan peratus setahun, pendapatan penduduk termasuk kakitangan kerajaan yang kian meningkat, adalah hasil daripada pelaksanaan rancangan-rancangan ini."

Katanya, banyak negara termasuk negara-negara komunis dan sosialis, merancang ekonomi mereka mengikut perancangan pembangunan lima tahun tetapi banyak negara yang tidak dapat menghasilkan pencapaian seperti yang diharapkan malahan kebanyakan mereka gagal. Sebahagiannya tidak benar-benar dilaksanakan dan tinggal sebagai dokumen hiasan sahaja.

"Tetapi di Malaysia, kita tidak sahaja merancang. Kita melaksanakannya," kata beliau.

Sementara Unit Perancangan Ekonomi (UPE) merangka rancangan lima tahun negara, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) mengawalselia pelaksanaan dan penyelarasan setiap rancangan dan melaporkan kepada kerajaan akan kemajuannya dan masalah-masalahnya supaya perubahan dan penyesuaian dapat dilakukan bagi mencapai matlamat seperti yang dikehendaki.

Beliau berkata daripada peruntukan RM162,000 juta untuk melaksanakan RMK7, jumlah terbesar sebanyak RM75,000 juta adalah untuk Perusahaan Awam Bukan Kewangan, RM67,500 juta untuk Kerajaan Persekutuan, RM12,000 juta kerajaan negeri dan RM7,900 juta bagi Kerajaan Tempatan dan Badan Berkanun.

Peratusan jumlah peruntukan kepada KNK ialah 11 peratus berbanding

dengan 14.8 peratus dalam Rancangan Malaysia Keenam, yang mencerminkan komitmen kerajaan untuk mengecilkan saiz dan peranan sektor awam.

Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan bertujuan mempercepat pembangunan infrastruktur tertentu yang tidak sesuai untuk diswastakan dan pertambahan sumber manusia dalam bidang sains dan teknologi.

Antara syarikat kerajaan yang dikenal pasti untuk penswastakan semasa tempoh RMK7 ialah projek empangan hidroelektrik Bakun, Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Pelabuhan Bintulu, Pelabuhan Kuantan, Lebuhraya Pantai Timur, Perwaja Steel Berhad, Pos Malaysia Berhad dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Badan-badan yang akan diperbadankan termasuklah Bank Simpanan Nasional, hospital-hospital kerajaan, Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Letrik Sabah.

Ucapan Perdana Menteri banyak menyentuh aspek peningkatan kualiti hidup melalui mutu kesihatan, pendidikan dan perumahan, sambil menjelaskan bahawa kualiti hidup banyak bergantung kepada gaya hidup rakyat.

"Rumah yang mahal dan cantik tidak dapat menjamin kualiti hidup yang baik," kata Dr Mahathir semasa menerangkan rasional di sebalik pelbagai program dan kempen yang dilancarkan untuk menggalakkan gaya hidup sihat.

Semasa rancangan lima tahun yang lepas, jangka hayat bagi lelaki meningkat kepada 69.3 tahun pada 1995 berbanding dengan 68.9 pada 1990 manakala bagi wanita ia meningkat kepada 74 tahun pada 1995 berbanding 73.5 tahun pada 1990.

Kesemua isirumah di luar bandar dan kira-kira 92 peratus isirumah di luar bandar telah menikmati kemudahan elektrik manakala 99 peratus isirumah di bandar dan 83.5 peratus isirumah di luar bandar menikmati kemudahan bekalan air minuman bersih.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan berhasrat untuk menswastakan kebanyakan kemudahan kesihatan termasuk hospital dan unit-unit rawatan khas. Bagaimanapun satu bentuk subsidi akan dirangka bagi golongan miskin.

Ini akan dilakukan dengan memperkenalkan skim perlindungan insurans perubatan dan skim rawatan perubatan swasta.

"Adalah menjadi semakin sukar bagi kerajaan untuk menyediakan rawatan hospital secara percuma atau dikenakan kadar caj nominal. Ini bukan sahaja disebabkan oleh peningkatan kos perubatan yang ketara tetapi juga kesukaran untuk mengekalkan kakitangan kesihatan sama ada doktor atau jururawat dengan tahap gaji yang rendah yang dapat ditawarkan oleh kerajaan.

"Tidaklah wajar untuk membina hospital tanpa diisi dengan kakitangan yang mencukupi. Pada masa hadapan, rawatan kesihatan di hospital kerajaan perlu dibayar sama ada melalui insurans kesihatan atau skim kesihatan swasta," katanya.

Beliau juga berkata sektor swasta perlu membina hospital-hospital swasta berkelas biasa untuk pesakit berpendapatan sederhana daripada hanya membina kemudahan penginapan kesihatan bertaraf "lima bintang."

Perdana Menteri berkata doktor yang berkhidmat di hospital bertaraf lima bintang perlu juga memberi perkhidmatan di wad-wad biasa hospital swasta yang mengenakan yuran dan caj perkhidmatan yang rendah.

"Sifat amal jariah dan kesyukuran perlu ada dalam lubuk hati masyarakat kita," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kadar celik huruf di kalangan rakyat Malaysia telah meningkat daripada 85 peratus pada 1991 kepada 91 peratus pada 1995, kesan daripada usaha mengembangkan peluang pendidikan kepada semua rakyat.

Hampir 100 peratus murid-murid berjaya meneruskan dan menamatkan pendidikan rendah sementara kira-kira 55 peratus tenaga buruh telah mendapat pendidikan peringkat menengah pada 1995, berbanding 52 peratus pada 1990.

Dalam tempoh RMK7, pendaftaran pelajar di sekolah rendah dan menengah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dijangka meningkat daripada 4.4 juta

pada 1995 kepada 4.9 juta pada tahun 2000.

Sejumlah kira-kira 108,000 pelajar yang tamat kursus ijazah pertama daripada institusi awam tempatan dijangka memasuki pasaran buruh dalam tempoh itu.

Sebanyak 800,000 rumah lagi dijangka dibina pada lima tahun akan datang, 70 peratus daripadanya kos rendah dan sederhana rendah, berbanding 40.4 peratus atau 647,500 unit rumah sedemikian pada rancangan sebelum ini.

RMK7 memperakukan penggunaan lebih banyak buruh tempatan untuk mengurangkan pergantungan kepada buruh asing dengan meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita, pengambilan pesara dan pengambilan lebih ramai warga kurang upaya.

Malaysia ketika ini mempunyai kira-kira sejuta pekerja asing, kebanyakannya dari Indonnesia, Bangladesh dan Filipina.

Akta Kerja 1955 sedang dikaji untuk dipinda bagi membolehkan wanita, terutamanya surirumah bekerja secara sambilan.

"Saya juga ingin menggesa firma-firma supaya memudahkan penyertaan wanita dengan mengamalkan peraturan kerja yang lebih fleksibel, antara lain, kemudahan cuti tanpa menjejaskan kerjaya pekerja, perkongsian kerja dan kelonggaran masa bekerja bagi pekerja wanita sepenuh masa. Pendekatan ini, yang mengambil kira kepentingan keluarga, akan memberi kelonggaran kepada kaum wanita untuk mengimbangi masa antara kerjaya dan keluarga."

Perdana Menteri berkata tempoh RMK7 merupakan fasa yang penting dalam usaha untuk meningkatkan perindustrian negara.

Sektor pembuatan, sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi, perlu mengalami peralihan daripada pergantungan kepada pasaran tempatan yang terhad kepada pengeluaran untuk pasaran dunia.

Malaysia juga akan meneruskan strategi dan program bagi mengembang dan meningkatkan lagi industri kecil dan sederhana (IKS), dengan tujuan menjadikan mereka industri sokongan yang lebih berkesan kepada industri yang lebih besar.

-- BERNAMA

AU NMO